



Pengenalan

Acara Nostalgia Basikal Tua atau ringkasannya NOBAT merupakan acara basikal tua terbesar bertaraf nasional dan internasional yang dirancang khusus untuk menghimpunkan pencinta dan pejuang basikal tua seluruh Malaysia dan Nusantara. Penganjuran Acara NOBAT bertujuan untuk mempereratkan persahabatan/ persaudaraan, menyatukan komuniti basikal tua, dan bersama melestarikan nostalgia warisan silam. Acara NOBAT ini adalah cetusan ilham dan inisiatif dari Kelab Basikal Tua Batu Berendam (KBTBB) Melaka bersempena sambutan Melaka 750 Tahun.

Peserta NOBAT 2012

Pihak penganjur menjangkakan seramai 300 orang peserta dari seluruh Malaysia dan seramai 50 orang peserta dari Indonesia akan mendaftarkan diri untuk hadir ke Acara NOBAT.

Tema NOBAT 2012

“Lestarikan Nostalgia Warisan Silam”

Peserta-peserta yang hadir digalakkan memakai pakaian klasik/lama dan menghias basikal tua mengikut ekspresi dan kreativiti diri masing-masing bertemakan tema pilihan di atas. Hadiah-hadiah menarik akan diberikan kepada peserta yang hadir mengikut tema.

Tarikh / Tempat / Masa

Acara Kemuncak NOBAT akan berlangsung pada hari Ahad, 1 Julai 2012 bertempat di Menara Taming Sari, Jalan Merdeka, Bandar Hilir, Melaka. Peserta dikehendaki berada di lokasi selewat-lewatnya jam 7:15 pagi kerana acara perlepasan peserta dijangkan akan dilakukan pada jam 7:30 pagi

Dirasmikan oleh

YAB Datuk Seri Mohd Ali Rustam
Ketua Menteri Melaka

Inisiatif & Anjuran

Kelab Basikal Tua Batu Berendam (KBTBB) Melaka



Bayaran Pendaftaran RM35.00

Bayaran Pendaftaran hendaklah dijelaskan selewat-lewatnya pada 15 Jun 2012 bagi tujuan logistik. Peserta yang berdaftar akan menerima barangan eksklusif NOBAT seperti berikut :-

1. T-Shirt NOBAT
2. Pin NOBAT
3. Makan & Minum
4. Sijil Penyertaan
5. Hadiah Cabutan Bertuah dan Pelbagai Hadiah
6. Peserta juga berpeluang memenangi wang tunai RM500 sebagai hadiah cabutan bertuah utama (Grand Prize)

Acara Utama NOBAT 2012

Pihak penganjur telah merancang beberapa Acara Utama bagi memeriahkan Acara NOBAT 2012 khas untuk peserta-peserta yang hadir. Antaranya ialah seperti berikut:

1. Acara Kayuhan Basikal Tua TERBESAR di Malaysia
2. Pameran & Koleksi Basikal Tua
3. Gerai Jualan Aksesori dan Alat-alat Ganti Basikal Tua
4. Acara Sukaneka Beroda
5. Penyampaian Anugerah Khas NOBAT
6. Pertukaran cenderahati / pin antara peserta
7. Cabutan Bertuah

Anugerah Khas NOBAT 2012

Pihak penganjur akan memberi anugerah khas bagi kategori di bawah untuk peserta yang berdaftar. Antaranya ialah seperti berikut:

1. 12 Basikal Tua (Klasik) Terbaik
2. 12 Basikal Berhias Terbaik
3. 12 Pakaian Terbaik (6 Lelaki & 6 Wanita)
4. 3 Penyertaan Peserta Paling Ramai
5. 3 Peserta Paling Veteran
6. 3 Peserta Paling Muda
7. 3 Peserta Yang Datang Paling Jauh

Jarak Kayuhan

Jarak kayuhan dianggarkan sejauh 8-10 km mengelilingi Bandaraya Melaka

Tentatif Program Acara NOBAT

Acara NOBAT akan bermula secara rasminya pada hari Sabtu, 30 Jun 2012 bermula jam 4:00 petang dan berakhir pada hari Ahad 1 Julai 2012 jam 2:00 petang.

Sabtu, 30 Jun 2012

Hang Tuah Heritage Hotel

4:00 petang	Pendaftaran peserta
5:30 petang	Sessi Silaturahmi Peserta NOBAT Malaysia – KOSTI Indonesia
7:00 malam	Persiapan untuk Majlis Makan Malam Acara NOBAT
7:30 malam	Ketibaan peserta & tetamu jemputan
8:15 malam	Majlis Makan Malam Acara NOBAT bersama YAB Datuk Seri Mohd Ali Rustam
10:30 malam	Acara Santai Teh Tarik (Night Ride) bersama KOSTI
12:00 malam	Pulang ke Hotel / Bersurai

Ahad, 1 Julai 2012

Menara Taming Sari, Banda Hilir Melaka

6:00 pagi	Pendaftaran peserta
7:00 pagi	Taklimat peserta & informasi laluan
7:15 pagi	Perasmian oleh YAB Datuk Seri Mohd Ali Rustam, Ketua Menteri Melaka
7:30 pagi	Flag-off / Pelepasan peserta NOBAT mengelilingi Bandaraya Melaka
8:45 pagi	Berehat di check-point kayuhan
10:30 pagi	Tiba di check-point terakhir
10:45 pagi	Acara Sukaneka Beroda
11:45 pagi	Anugerah Khas NOBAT
12:30 t/hari	Cabutan Bertuah
1:00 t/hari	Sessi Pertukaran Cenderahati antara peserta
1:30 t/hari	Penyampaian Sijil / Majlis Penutup
2:00 petang	Acara bebas - Pameran/Jualan/Bersurai

Sekretariat NOBAT 2012

Sdr. Ikhwan	019 304 1106
Sdr. Jebat	016 638 3554
Sdr. Alex	+62 856 12 99992
Sdr. Sanim	019 390 5191
Sdr. Jidi	012 360 9910
Sdr. Razuwan	016 638 3554
Puan Wawa	019 293 9202
Sdr. Khalib	019 264 7980



Alamat Lokasi Acara Utama NOBAT 2012

Menara Taming Sari
Jalan Merdeka, Banda Hilir, 75000 Melaka
Tel: 06-288 1100 / 06-281 3366

Alamat Hotel Rasmi NOBAT 2012

Hang Tuah World Heritage Hotel

(berdekatan dengan Mahkota Medical Center / Mahkota Parade)
Jalan TMR6, Taman Melaka Raya, 75000 Melaka

Tel: 06-284 8000

Jenis/Harga Bilik

Superior	RM145 (2 orang x 2 sarapan pagi)
Duluxe	RM165 (2 orang x 2 sarapan pagi)

.....

Hang Tuah City Hotel

(berdekatan dengan Masjid Al-Azim)
No. 1 Jalan Malinja, Taman Malinja, Bukit Baru, 75150 Melaka

Tel: 06-284 1166

Jenis/Harga Bilik

Superior Dagama	RM142 (2 orang x 2 sarapan pagi)
Farmosa	RM182 (4 orang x 4 sarapan pagi)

Untuk mendapatkan harga terkini dan potongan istimewa sila hubungi Sdr. Jebat di talian 016 638 3554 untuk urusan tempahan



**Sila baca dengan teliti
Terma dan Syarat di bawah
sebelum mengisi Borang
Pendaftaran**



**NOBAT
Melaka**

Terma dan Syarat

1. Peserta yang ingin hadir dikendaki membawa basikal tua masing-masing.
2. Pihak penganjur hanya menyediakan sewaan basikal dengan kadar bayaran RM30 untuk peserta-peserta yang datang dari jauh sahaja (*Sila maklumkan kepada pihak penganjur dengan segera kerana jumlah basikal adalah terhad*).
3. Peserta seharusnya memastikan basikal tua yang dibawa berkeadaan baik dan selamat untuk dikayuh.
4. Peserta digalakkan untuk memakai pakaian yang bertemakan "Nostalgia Basikal Tua" dan busana klasik.
5. Peserta harus mampu mengayuh basikal tua sejauh 8 – 10km.
6. Peserta digalakkan untuk membawa cenderahati / pin-pin kelab untuk sesi pertukaran cenderahati antara peserta.
7. Peserta di bawah 18 tahun harus mendapatkan kebenaran daripada ibu/bapa/penjaga.
8. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan atau apa-apa kehilangan semasa atau selepas acara.
9. Peserta-peserta yang hadir dikehendaki sentiasa menjaga tingkah-laku dan sentiasa mematuhi arahan daripada pihak penganjur.
10. Hanya peserta yang BERDAFTAR sahaja akan layak menerima hadiah dan anugerah khas dari pihak penganjur.
11. Urusan Pendaftaran dan Bayaran RM35.00 haruslah dibuat selewat-lewatnya pada 15 Jun 2012. (*Sila lihat maklumat dan cara pembayaran*).
12. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah diserahkan atau di pos kepada KBTBB seperti di alamat berikut:

Kelab Basikal Tua Batu Berendam Melaka

No. 2743, Jalan Solok Pantai, Batu 4, Batu Berendam,
75350 Melaka Bandaraya Bersejarah, MALAYSIA

Cara-cara Pembayaran

1. Pembayar secara tunai kepada mana-mana Ahli Jawatan Kuasa Penganjur NOBAT atau wakil yang dilantik. Resit akan dikeluarkan sebagai bukti pembayaran.
2. Pembayar melalui **Hong Leong Islamic Bank** ke akaun Bendahari KBTBB. Sila simpan slip pembayaran. Maklumat pembayaran seperti berikut:-

MOHAMAD JIDI BIN BAKAR

Nombor Akaun: **30951023095**

Hong Leong Islamic Bank

3. Sila lampirkan salinan resit atau slip sebagai bukti pembayaran bersama dengan Borang Pendaftaran kepada pihak penganjur.

BORANG PENDAFTARAN

Tarikh TUTUP Pendaftaran
adalah pada 15 Jun 2012



NOBAT Melaka

Nama Penuh

No. Kad Pengenalan - -

No. Passport

Tarikh Lahir - - 1 9 Umur

Jantina Lelaki Perempuan

Nama Kelab / Kumpulan

Nombor telefon bimbit (handphone) 0 1 -

Nombor telefon rumah 0 -

Alamat Rumah

Adakah anda memerlukan tempat penginapan? Ya Tidak

Adakah anda akan membawa basikal tua ke Acara NOBAT? Ya Tidak

Sudahkah anda membayar Yuran Pendaftaran RM35? Sudah Belum

Nyatakan saiz baju anda? S M L XL XXL XXXL

PENGESAHAN PESERTA

Saya seperti alamat di atas dengan ini mengesahkan bahawa saya bersetuju untuk mengikuti Acara NOBAT Melaka 2012 dan akan sentiasa mematuhi syarat-syarat dan arahan daripada pihak penganjur. Saya juga sedia maklum bahawa adalah menjadi tanggungjawab diri saya untuk memastikan kesihatan dan keselamatan di bawah tanggungan diri saya sendiri.

Nama
Tarikh

Disahkan Oleh
Tarikh

Nota Penting

Sila lampirkan salinan slip pembayaran sebagai bukti bersama borang ini sekiranya anda membayar melalui HONG LEONG ISLAMIC BANK kepada wakil KBTBB.